

S E P 2 0 2 4 / B I L . 1 2 / 2 0 2 4

# EON

*Epitome of Nature*

SIFAR KEMISKINAN DAN KELAPARAN



MAJALAH PP BIOLOGI  
UITMCNS



ISSN 2773-5869  
9 772773 586005

## PROGRAM INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT BERSASAR SEBANYAK RM 2.16 JUTA BANTU BASMI MISKIN TEGAR

Nur Intan Hasbullah

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

[intan154@uitm.edu.my](mailto:intan154@uitm.edu.my)

EDITOR: SARAH SHAZWANI ZAKARIA

Inspirasi EON kali ini membawakan seorang figura yang tidak asing lagi bagi warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Prof. Madya Dr. Siti Sara Ibrahim, yang merupakan Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM & A). Sinonim dengan jawatan yang disandang, Prof. Madya Dr. Siti Sara merupakan seorang pensyarah dan juga penyelidik yang sangat aktif dalam penyelidikan terutama dalam bidang ekonomi.

Selari dengan tema edisi kali ini iaitu "Sifar Kemiskinan dan Kelaparan", sosok inspirasi ini dipilih berdasarkan keterlibatan beliau dalam projek Inisiatif Pendapatan Rakyat - Basmi Miskin Tegar (IPR-BMT) yang telah menerima dana sebanyak RM 2.16 juta daripada Kementerian Ekonomi. Geran initiatif ini diberikan kepada UiTM bermula dari Oktober 2023 dan melibatkan beberapa kampus cawangan, antaranya UiTM Cawangan Selangor, Johor, Melaka dan juga Negeri Sembilan.



Gambar 1: Sesi townhall penyerahan daripada Dato Rafizi, Kementerian Ekonomi bagi penyerahan Geran Penyelidikan Inisiatif Pendapatan Rakyat kepada UiTM (Sumber: Koleksi peribadi Dr. Siti Sara)

**Prof. Madya Dr. Siti Sara merupakan seorang pensyarah dan juga penyelidik yang sangat aktif dalam penyelidikan terutama dalam bidang ekonomi.**

Bercerita berkenaan peranan beliau dalam penyelidikan ini, Dr. Siti Sara berperanan sebagai Penyelaras yang mengetuai kumpulan penyelidikan di Negeri

Sembilan untuk pelaksanaan agenda basmi miskin tegar di Negeri Sembilan melalui program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang diamanahkan oleh pihak



Gambar 2: Sesi penerangan bersama Ketua Kampung Daerah Tampin sebelum pihak UiTM turun padang membuat “profiling” (Sumber: Koleksi peribadi Dr. Siti Sara)

Kementerian Ekonomi kepada UiTM. Berbeza dengan program bantuan lain, program IPR-BMT ini tidak memberikan sumbangan wang secara langsung kepada individu yang dikategorikan sebagai miskin tegar, sebaliknya menyediakan platform bagi meningkatkan ekonomi semasa individu miskin tegar kepada taraf yang lebih baik.

Program ini melibatkan beberapa fasa antaranya fasa saringan profil (pemetaan), bantuan sokongan pembangunan ekonomi dan juga fasa pemantauan.


### Fasa 1- Saringan Profil (Pemetaan)

Bagi fasa yang pertama ini, penyelidik akan membuat saringan profil (pemetaan) atau lebih kenali sebagai “profiling” untuk setiap nama individu miskin tegar yang telah berdaftar dalam sistem eKasih.

eKasih ialah satu sistem pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksanakan dan memantau program kemiskinan serta mengesan pergerakan isi rumah kepada kategori yang lebih baik seperti dari kategori

miskin tegar kepada miskin dan seterusnya. Melalui “profiling” ini, Dr. Siti Sara berkata bagi kawasan Negeri Sembilan sahaja, seramai 376 individu dari daerah Kuala Pilah (Johol & Gemencheh), Tampin dan juga Seremban (Rantau & Sikamat) telah dikategorikan sebagai miskin tegar untuk tahun 2023.

Bagi mengesahkan data ini, kumpulan penyelidik UiTM akan turut sama turun padang bagi melihat status ekonomi semasa individu miskin tegar terbabit dan seterusnya menilai tahap kemampuan dan produktiviti mereka untuk membangunkan



Gambar 3: Pembentangan hasil pemetaan UiTM kepada unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Sembilan (Sumber: Koleksi peribadi Dr. Siti Sara)

ekonomi keluarga mereka dalam jangka masa semasa.

Antara aspek-aspek yang dinilai adalah minat, tahap kesihatan, dan juga fasiliti kediaman mereka. Sekiranya individu miskin tegar ini dapat memenuhi semua aspek yang dinilai, mereka akan dipilih untuk ke fasa seterusnya di mana bantuan sokongan pembangunan ekonomi akan diberikan. Sokongan ini bukan berbentuk wang ringgit, namun dari segi fasiliti dan juga peralatan untuk keperluan perniagaan mereka.

## Fasa 2- Bantuan Sokongan Ekonomi

Kesemua nama individu miskin tegar yang telah melepas saringan “profiling” di Fasa 1 akan dipanjangkan kepada Kementerian Ekonomi melalui Unit Perancangan Ekonomi dan

Pejabat Daerah masing-masing.

Menurut Dr. Sara, lebih kurang 40% sahaja daripada 376 penama miskin tegar di Fasa 1 yang dikategorikan sebagai produktif dan melepas saringan untuk ke Fasa 2. Individu-individu tersebut akan menerima bantuan bersasar untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka sejajar dengan minat dan kemampuan masing-masing.

Sebagai contoh: Puan Ayu berminat dalam perniagaan makanan sejuk beku, maka pihak Kementerian Ekonomi akan memberikan bantuan berupa peti ais yang bersesuaian dengan perniagaan yang akan dijalankan. Contoh lain: Encik Azlan berminat dalam pertanian, maka beliau akan dibekalkan dengan peralatan yang bersesuaian beserta dengan bengkel penanaman

yang akan memberikan ilmu dan teknik yang betul dalam pertanian supaya dapat membantu Encik Azlan memajukan perniagaan beliau.

## Fasa 3- Pemantauan Taraf Ekonomi

Selepas bantuan sokongan ekonomi diberikan, kemajuan ekonomi individu-individu terabit akan dipantau untuk memastikan objektif program ini tercapai sepenuhnya. Berdasarkan statistik sedia ada, Dr. Siti Sara berkata, lebih dari 80% penama yang berada di Fasa 2 telah berjaya meningkatkan taraf ekonomi mereka melalui program Inisiatif Pendapatan rakyat ini.

Hasilnya, taraf ekonomi mereka tidak lagi berada di dalam kategori miskin tegar dan telah beranjak kepada kategori pendapatan yang lebih baik.



Gambar 4: Perjumpaan bersama Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Negeri Sembilan yang menjadi koordinator di peringkat negeri bagi agenda basmi miskin tegar. Dr. Siti Sara- tiga dari kiri (Sumber: Koleksi peribadi Dr. Siti Sara)

## Sifar Kemiskinan Akan Dicapai Pada Tahun 2025

Dr. Siti Sara percaya bahawa melalui program Inisiatif Pendapatan Rakyat ini, agenda membasmi miskin tegar dapat dilaksanakan dengan sangat baik. Ini kerana, program ini dijalankan secara holistik bermula dengan saringan profil dan seterusnya bersasar kepada keupayaan setiap individu yang akan dibantu beserta dengan modul pembangunan ekonomi yang bersesuaian.

Beliau bersama ahli penyelidik lain berpendapat, sifar kemiskinan di Negeri Sembilan dapat dicapai pada tahun 2025 sekiranya setiap individu yang dibantu memanfaatkan sepenuhnya bantuan peralatan dan juga ilmu pengetahuan yang diberi.

Di akhir sesi temubual, Dr. Sara sempat menitipkan pesanan dan harapan beliau untuk melihat perubahan ekonomi yang lebih baik bagi seluruh rakyat Malaysia khususnya di Negeri Sembilan.

Beliau berkata, setiap individu perlu cakna dengan setiap bantuan ekonomi yang telah disediakan oleh kerajaan bagi membantu menaik taraf kehidupan setiap rakyat.

Walaubagaimanapun, beliau menambah, kesedaran diri dan juga semangat yang kental adalah kunci utama kepada perubahan ekonomi seseorang individu.